

01/01/1997

PM Bersama Bosnia setuju pemilihan Kabinet

SARAJEVO, Selasa - Perdana Menteri Bersama Bosnia semalam bersetuju dengan pemilihan anggota Kabinet membolehkan kerajaan pusat pertama selepas perang dibentuk dan memeterai perjanjian berkongsi kuasa antara pemimpin Islam dan Serb, menurut kenyataan Majlis Presiden.

Perdana Menteri Bosnia ketika perang, Haris Silajdzic, dan rakan sejawatan dari Serb, Boro Botic yang tidak begitu dikenali, menandatangani protokol menetapkan bidang kuasa pegawai kerajaan.

Perjanjian itu ditandatangani dalam mesyuarat di Lukavica, sebuah kawasan kawalan Serb di pedalaman Sarajevo, menamatkan pertikaian sejak beberapa bulan lalu mengenai pembentukan kerajaan pertama Bosnia membabitkan perkongsian tugas antara puak Islam, Croat dan Serb.

Majlis Presiden Bosnia yang dipengerusikan Alija Izetbegovic, mengadakan sesi perbincangan ke-11 di kawasan yang sama.

Di bawah peraturan rumit perjanjian damai Dayton yang menamatkan perang empat tahun, Bosnia-Herzegovina terbahagi kepada dua pentadbiran iaitu Persekutuan Islam-Croat dan Republik Serb Bosnia.

Kawasan pentadbiran itu disatukan melalui pembentukan kerajaan pusat mengandungi 12 anggota.

Silajdzic dan Botic akan bergilir-gilir menjadi pengerusi Majlis Menteri dari minggu ke minggu.

Jawatan Naib Pengerusi, ditetapkan untuk wakil Croat, diisi semalam oleh Neven Tomic, Menteri Perdagangan Luar kerajaan Bosnia yang akan dibubarkan tidak lama lagi.

Turut dipersetujui ialah tiga portfolio penting lain iaitu Hal Ehwat Luar, Perdagangan Luar dan Ekonomi serta Hal Ehwat Sivil dan Komunikasi.

Pegawai kanan Croat, Jadranko Prlic, Menteri Luar kerajaan Bosnia, dipilih semula manakala Perdana Menteri, Hasan Muratovic, diberi jawatan Menteri Luar.

Spasoje Albijanic, seorang menteri perdagangan bekas Republika Srpska, diberi jawatan Menteri Hal Ehwat Sivil. - AFP

(END)